KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI JOHOR			

Bilangan pengunjung TER, HTN dijangka bertambah

KULAI - Bilangan pengunjung dijangka bertambah di seluruh kawasan ekopelancongan membabitkan Taman Eko Rimba (TER) dan Hutan Taman Negeri (HTN) di negeri ini selepas Johor beralih ke Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa Jumaat.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), Datuk Salim Aman berkata, pihaknya telah melakukan pelbagai persediaan termasuk aspek kawalan dan keselamatan yang diterapkan di semua lokasi TER dan HTN yang telah dibuka.

"Kita jangkakan sambutan itu memang ada kerana ini adalah kawasan rekreasi awam dan tumpuan orang ramai, orang ramai juga lebih memilih untuk bercuti berbanding keluar di lokasi bandar seperti pusat beli-belah dan sebagainya.

"Bagaimanapun prosedur operasi standard (SOP) akan terus dipantau yang mana hanya 200 pengunjung sahaja dibenarkan dalam satu masa," katanya pada Jumaat.

Salim berkata, di seluruh Johor, terdapat lapan TER, dua HTN dan 15 kawasan eko pelancongan yang menjadi tarikan utama pengunjung untuk menjalankan aktiviti rekreasi pendakian dan berkelah.

Namun, katanya, sehingga kini, 10 daripada kesemua lokasi tumpuan itu masih ditutup bagi naik taraf yang dijangka siap secara berperingkat hujung bulan ini.

"Antara yang masih ditutup ialah TER Gunung Pulai 2, TER Sungai Bantang di Labis, Segamat, TER Gunung Berlumut di Kluang, TER Panti di Kota Tinggi, HTN Ayer Hitam Utara di Muar, Batu Tenggek di Kota Tinggi, Gunung Belumut, Gunung Gua Rimau, Gunung Chemendung masing-masing di Kluang dan Gunung Banang di Batu Pahat," katanya.



Salim (kiri) bersama pegawai JPNJ ketika melawat Taman Eko Rimba Gunung Pulai 1 pada Jumaat.